

20/03/2001

Tareq kagum cara Malaysia tangani globalisasi

TIMBALAN Perdana Menteri Iraq, Tareq Aziz, yakin dengan kekuatan Malaysia menangkis `serangan' negara maju walaupun agenda negara Barat itu tersembunyi dalam konsep baru yang diperjuangkan seperti globalisasi.

Sambil menyifatkan konsep globalisasi yang dibawa negara maju itu ada agenda tersembunyi untuk menindas negara lain, beliau percaya, Malaysia juga berpendirian sama dan jelas dengan tipu helah negara Barat itu.

Dalam pertemuannya dengan Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Chua Jui Meng, di sini baru-baru ini, beliau menyuarakan kemusykilannya terhadap konsep globalisasi yang dikatakan era baru ekonomi itu dan yakin ia menyimpan agenda tersembunyi negara Barat.

Bercakap kepada pemberita Malaysia mengenai pertemuan itu, Chua berkata, Malaysia dan Iraq sependapat, setiap negara khususnya negara membangun tidak harus menerima konsep globalisasi sewenang-wenangnya.

"Kedua-dua negara percaya konsep globalisasi ini mengandungi agenda tersembunyi negara Barat dan untuk itu, setiap negara perlu berhati-hati dan bersedia secukupnya sebelum menerima konsep itu," katanya di sini baru-baru ini.

Berikutan itu, Chua dalam pertemuan selama satu jam itu menjelaskan kepada Tareq, bahawa Malaysia di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berusaha memperkukuhkan hubungan perdagangan negara Selatan-Selatan sejak awal 90-an bagi mengurangkan penguasaan Barat dalam ekonomi negara terbabit.

Menerusi hubungan Selatan-Selatan itu, katanya, perdagangan di antara negara terbabit tidak lagi perlu menerusi negara maju sebaliknya dilaksanakan secara terus.

Chua bertemu Tareq pada hari terakhir program lawatan kerjanya ke negara ini, bertujuan meningkatkan kerjasama di antara kedua-dua negara dalam bidang kesihatan dan perubatan.

Misi empat hari yang disertai kira-kira 60 orang pegawai kanan kementerian, ahli akademik dan industri berkaitan disifatkan berjaya apabila kedua-dua negara bersetuju untuk mewujudkan perjanjian persefahaman dalam bidang itu.

Chua dan rakan sejawatannya di sini, Dr Omed Midhat Mubarak, menandatangani minit mesyuarat yang dipersetujui kedua-dua pihak bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang kesihatan dan perubatan, sejurus sebelum pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri Iraq itu.

Kedua-dua pihak akan mengemukakan kertas Kabinet kepada kerajaan masing-masing berhubung cadangan kerjasama itu. Perjanjian persefahaman Malaysia-Iraq dalam bidang kesihatan dan perubatan dijangka ditandatangani selepas Dr Omed dan delegasinya melawat Malaysia, pertengahan tahun ini.

Perbincangan Chua-Tareq itu turut menyentuh kesan sekatan ekonomi yang dilaksanakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke atas Iraq, sejak hampir 11 tahun lalu.

Chua berkata, Tareq mengakui di sebalik kesukaran yang dihadapi rakyat dan negara Iraq ekoran pelaksanaan sekatan itu, ia melahirkan rakyat dan negara yang lebih kuat dan mampu berdikari.

"Penduduk Iraq dulunya dikongkong kuat sindrom orang asing. Mereka terlalu bergantung kepada orang asing untuk kegiatan ekonomi. Namun, sekatan mengubah semua ini. Mereka tidak lagi boleh bergantung kepada sesiapa sebaliknya membina sikap berdikari," katanya.

Chua turut memaklumkan kepada Tareq keputusan mewujudkan perjanjian

persefahaman Malaysia-Iraq dalam bidang kesihatan dan perubatan.

Tareq yang mengalu-alukan kerjasama itu turut menyampaikan hasratnya supaya kerjasama kedua-dua negara itu dipertingkatkan dalam pelbagai aspek lain.

Dalam perbincangan itu, Chua berkata, Tareq menyuarakan rasa kagumnya dengan kemampuan Malaysia menangani krisis ekonomi pada 1997, yang turut melanda negara Asia lain.

Tareq juga memberitahu Kerajaan Iraq amat menghormati kerajaan Malaysia, yang diterajui Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

(END)